



- | |
|---|
| <p>1. Pemandu Tingkat I
Jabatan-Jabatan Kerajaan
F.4-5 EB.6 [\$620 - \$790 Sebulan]
Kekosongan= 2</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pemandu sekurang-kurangnya dalam tanggaji F.2 selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan termasuk kenderaan berat adalah kelebihan.
3. Mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 serta mempunyai rekod memandu yang baik dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu.
4. Boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil adalah satu kelebihan.
5. Berkebolehan membaca dan menulis dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMANDU TINGKAT I:

SECARA AM

1. Memandu kenderaan jabatan untuk menghantar dan mengambil pegawai / kakitangan bagi urusan-urusan rasmi jabatan dan pengangkutan budak sekolah serta lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.
2. Bertugas mengikut seperti jadual waktu bertugas yang telah disediakan.
3. Bersedia untuk ditempatkan untuk bertugas di mana-mana daerah jika diperlukan.
4. Memeriksa / menyemak keadaan kenderaan dan juga peralatannya setiap hari untuk memastikan kenderaan adalah di dalam keadaan yang selamat dan sempurna untuk digunakan sebelum memulakan tugas.



5. Sentiasa memelihara / memastikan kesempurnaan dan kebersihan kenderaan-kenderaan jabatan samada bagi kenderaan darat dan laut.
6. Membuat dan menghadapkan laporan mengenai kerosakan ataupun tanda-tanda kerosakan ke atas kenderaan-kenderaan jabatan dengan seberapa segera kepada Ketua Bahagian atau pegawai atasan.
7. Memastikan kenderaan-kenderaan jabatan adalah digunakan bagi urusan-urusan rasmi jabatan sahaja.
8. Sentiasa mencatatkan setiap perjalanan-perjalanan yang menggunakan kenderaan jabatan ke dalam buku catatan (LOG) yang telah dikhaskan.
9. Sentiasa menggunakan buku khas bagi pengambilan minyak dan mencatat setiap pengambilan minyak bagi kenderaan-kenderaan jabatan ke dalam buku catatan (LOG) yang telah dikhaskan.
10. Bersedia menerima arahan-arahan bertugas daripada Pengarah, Ketua Pentadbir dan Ketua Bahagian dari semasa ke semasa.

DI PERKHEMAHAN TUTONG:

1. Bertugas sebagai Pemandu Awam di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.
2. Ditugaskan sebagai Pemandu kepada tentera bagi penghantaran tentera-tentera ke tempat bertugas.
3. Ditugaskan sebagai Pemandu Bas Sekolah.
4. Membuat kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan dan sebagainya.
5. Menerima tugas yang diarahkan oleh Pegawai Kenderaan melalui P.T.B dari semasa ke semasa.